



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 1 Disember 2022

1	Kena dakwa tembak kucing
2	Padah tembak kucing jiran guna senampang angin
3	Penternak kambing didenda RM5,000
4	-Tahun depan belum tentu ada telur -Isu telur didakwa untuk beri tekanan kepada kerajaan
5	Warga emas tembank kucing jiran hingga mati
6	Dua beranak didakwa tembak kucing jiran
7	Kenakan denda berjuta-juta jika sorok telur
8	Man allegedly hunted his neighbour's cat with air rifle

DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1.12.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Kena dakwa kes tembak kucing

Melaka: Lelaki warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam atas dua pertuduhan iaitu menembak seekor kucing serta memiliki senapang angin tanpa lesen pada Jun lalu.

Tertuduh, Aziz Tambi, 62, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap kedua-dua pertuduhan dalam prosiding berasingan di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam dan Majistret Nabilah Nizam.

Di Mahkamah Sesyen, tertuduh didakwa atas pertuduhan menembak seekor kucing dengan senapang angin sehingga menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan itu di Jalan Tanjung Minyak, Bukit Rambai pada 18 Jun lalu, jam 2.30 petang.

Padah tembak kucing jiran guna senapang angin

Warga emas didakwa di mahkamah, berdepan hukuman penjara

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Sorang lelaki warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas pertuduhan menembak seekor kucing menggunakan senapang angin pada Jun lalu.

Aziz Tambi, 62, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan tersebut dibacakan di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menjembak seekor kucing dengan senapang angin sehingga menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan tersebut.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Jalan Tanjung Minyak, Bukit Rambai di sini, kira-kira jam 2.30 petang pada 18 Jun lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan



Aziz (dua dari kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen di Melaka pada Rabu.

Haiwan 2015.

Pada prosiding berasingan di hadapan Majistret Nabilah Nizam, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960 kerana memiliki selaras senapang angin tanpa lesen sah pada 19 Jun 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan masing-masing dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim dan Muhamad Ehsan Nasarudin menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 dan RM5,000 terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, tertuduh yang diwakili peguam, Mohd Ishak Kari merayu jaminan rendah diberikan dengan alasan telah ber-

usia tua dan hanya melakukan kerja-kerja kampung dengan kadar upah RM50 sehari.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM5,000 bagi Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan RM2,500 di bawah Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960.

Selain itu, mahkamah turut menetapkan tarikh 11 Januari tahun depan sebagai sebutan semula kes.

Sinar Harian pada 21 Jun lalu melaporkan seorang warga emas dan anaknya ditahan polis selepas disyaki menembak mati seekor kucing milik jiran yang masuki rumah mereka menggunakan selaras senapang angin di Bukit Rambai.

Kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 2.30 petang selepas kucing bernama Molly masuk ke rumah suspek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1.12.2022	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Penternak kambing didenda RM5,000

FOTO: BERNAMA

BUKIT MERTAJAM

Seorang penternak kambing didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini pada Rabu, selepas mengaku bersalah memindah 20 ekor kambing jantan hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang pada Oktober lepas.

S Davamaran, 42, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Majistret Mohd Harith Mohd Mazlan.

Lelaki itu didakwa memindahkan 20 ekor kambing jantan hidup di Jalan Ara Kuda di sini dengan menggunakan kenderaan lori bernombor pendaftaran PJW2145 tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau mana-mana pihak berkuasa veterinar pada 21 Oktober lepas, lebih kurang jam 6.30 petang.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di bawah



Davamaran (kiri) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam pada Rabu selepas mengaku salah memindah 20 ekor kambing tanpa kebenaran pada Oktober lepas.

Perintah 4 (1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM15,000.

Mohd Harith juga merintahkan agar wang cagaran 20 ekor kambing

bernilai RM6,000 dilucutkan hak kepada Jabatan Veterinar manakala lori akan dikembalikan selepas denda RM5,000 dibayar. Davamaran telah membayar denda berkenaan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Roziman Awang Tahirin manakala Davamaran tidak diwakili peguam. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1.12.2022	KOSMO	NEGARA	MD & 16



**TAHUN DEPAN
BELUM TENTU
ADA TELUR »16**

Kos operasi meningkat terutama kenaikan harga dedak punca kekurangan bekalan



TELUR ayam berkurangan di pasaran dijangka berlaku sehingga tahun depan. – GAMBAR HIASAN

SEBAHAGIAN pengguna yang mendapatkan bekalan telur untuk kegunaan harian dan bernilai.

Kekurangan bekalan didakwa sebab kos operasi meningkat, untung hanya sikit.
Tahun depan belum tentu ada telur

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

MANJUNG – Bekalan telur ayam dijangka bekalan berkurangan dan sukar diperolehi dalam pasaran tempatan sehingga tahun depan.

Jurucakap salah sebuah syarikat perternak ayam telur di Manjung berkata, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengeburan komoditi itu tidak dapat ditenggatkan.

Salah satu daripada faktor itu, menurutnya, adalah kos operasi yang tinggi bagi mengusahakan

perniagaan berkenaan, namun pulangan diterima adalah rendah.

Katanya, antara kos terlibat dalam operasi ini adalah halal gastronomi mengeluar bekalan ayam seperti Jagung, iaitu salah satu komponen dedak.

“Syarikat kami membeli jagung dari luar negara laju Argentina dan Brazil dengan harga setiap kilogram (kg) Jagung adalah RM1.80 per kg.

“Setiap bulan, kami memerlukan kira-kira 500 ton jagung bagi penghasilan dedak ayam.

Itu tidak termasuk bahan-bahan lain seperti susu bagi ternakan berkenaan,” katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Pada masa sama, jurucakap itu berkata, dia berharap mata harga jagung kembali kukuh kerana sejauh ini ia masih terbebas dilakukan dalam nilai dolar Amerika Syarikat (AS).

Dalam pada itu, ularnya, syarikatnya mula mengurangkan jumlah ayam dedak di ladang selepas Mac lalu akibat kos operasi yang tinggi.

Katanya, ia menyebabkan syarikatnya hanya mengeluar-

kira-kira 230,000 perbandingan 270,000 biji telur sehari dan keadaan itu dijangka berterusan sehingga tahun depan.

“Buat masa ini, hanya itu jumlah telur yang boleh dihasilkan kerana untuk menambah jumlah ayam dedak, harga telur murah. Pembelian rebah bagi 40,000 ekor ayam sahaja kosnya mencerek RM15 juta.

“Selain itu, kami juga pun tidak termasuk lain kerana rasio rebah ayam baharu tersebut,” katanya.


Menurutnya, seekor ayam telur memakan masa 20 minggu

dari saat ia menetas untuk dibersarkan sebelum mampu bertelur bagi 60 minggu berikutnya.

“Sekor ayam mampu bertelur setiap hari 350 biji telur dalam tempoh 60 minggu berkenaan. Kami perlu mengurangkan hainan itu selagi ia berkemampuan bertelur.”

“Selapis itu, kami akan menjualnya sebagai ayam tua, namun jika permintaan terhadap telur tinggi, haiwan itu akan disimpan lagi masing-masing boleh bertelur. Kemudiannya baharulah ia dijual,” katanya.

Isu telur didakwa untuk beri tekanan kepada kerajaan



NOTIS kekurangan bekalan telur yang dipamerkan di sebuah pasar raya sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur. – AMIR KHALID

PETALING JAYA – Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) tidak menolak kemungkinan isu kekurangan bekalan telur ayam sengaja ditimbulkan oleh pihak industri untuk memberi tekanan kepada kerajaan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pihak industri berkemungkinan mahu beri tekanan kepada kerajaan supaya menamatkan kawalan harga telur ayam atau turus memberi subsidi telur.

Ujar Mohd Yusof, keadaan itu berlaku akibat peningkatan kos ternakan menyebabkan pihak industri berdasarkan perniagaan telur ayam tidak berbaloi.

“Pengeluaran telur ayam tetap ada kecuali berlaku kes penyakit. Jadi kita tak nampak mengapa pengeluaran telur ayam boleh berkurangan.

“Kerajaan kena tengok secara menyeluruh isu ini. Keadaan ini tidak akan selesai sekiranya pihak industri mahu turus memberi tekanan.

“Pasaran kita pasaran terburuk. Kerajaan tiada kuasa untuk campur tangan dalam perniagaan, cuma kerajaan boleh wujudkan dasar tertentu.

“Kerajaan perlu cari situasi menang-menang atau meneruskan rancangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terlibat dalam ter-

nakan,” katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pada 1 November lalu memaklumkan kerajaan bersetuju menaikkan kadar subsidi bagi telur ayam gred A, B, dan C sebanyak 2 sen.

Kadar subsidi telur ayam di peringkat ladang berubah dari pada 8 sen sebiji kepada 10 sen sebiji supaya harga kawalan rungit kekal bagi telur gred A, B, dan C.

Kos pengeluaran ayam diperdaya meningkat selaras kenaikan kos input semasa selain kawalan harga yang berpanjangan menjadi faktor gangguan pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1.12.2022	KOSMO	NEGARA	16

Warga emas didakwa tembak kucing jiran hingga mati



AZIZ tidak mengaku salah menembak seekor kucing dengan senapang angin di Mahkamah Sesyen Melaka semalam.

MELAKA — Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menembak seekor kucing bernama Molly milik jirannya menggunakan senapang angin sehingga mati, Jun lalu.

Tertuduh, Aziz Tambi, 62, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim, Darmafikri Abu Adam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa telah menembak seekor kucing dengan senapang angin sehingga menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan berkenaan.

Perbuatan itu didakwa dilaku-

kan pukul 2.30 petang di sebuah rumah di Jalan Tanjung Minyak, Bukit Rambai dalam daerah Melaka Tengah pada 18 Jun 2022.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Dalam prosiding berlairan di hadapan Majistret Nabilah Nizam, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960 kerana memiliki selaras senapang angin tanpa lesen sah pada 19 Jun 2022.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tujuh

tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan masing-masing dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim dan Muhamad Ehsan Nasarudin menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 dan RM5,000 terhadap tertuduh.

Aziz yang diwakili Peguam, Mohd. Ishak Kari bagaimanapun merayu jaminan rendah atas alasan usia selain melakukan kerja-kerja kampung dengan upah RM50 sehari.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 Kes disebut semula 11 Januari depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1.12.2022	UTUSAN	DALAM NEGERI	12

Dua beranak didakwa tembak kucing jiran

MELAKA: Akibat gagal mengawal perasaan marah kerana kucing jiran selalu memasuki kediamannya, seorang warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menembak mati haiwan peliharaan itu menggunakan senapang angin.

Bagaimanapun, tertuduh, Aziz Tambi, 62, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menembak seekor kucing dengan senapang angin sehingga menyebabkan kesakitan dan penderitaan haiwan berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan pukul 2.30 petang di sebuah rumah di Jalan Tanjung Minyak, Bukit Rambai dalam daerah Melaka Tengah, 18 Jun 2022.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda


tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 mengikut Seksyen 29 (1) (c) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pada 21 Jun 2022, *Utusan Malaysia* melaporkan, dua beranak ditahan polis selepas dipercayai menembak kucing peliharaan jiran mereka menggunakan senapang angin buatan sendiri sehingga mati.

Suspek merupakan warga emas berusia 62 tahun dan anak lelakinya, 27 tahun.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, siasatan awal mendapati, suspek menembak kucing tersebut kerana berang haiwan itu masuki rumah mereka.

Sementara itu, dalam prosiding berasingan di hadapan Majistret Nabilah Nizam, tertuduh turut didakwa mengikut Seksyen 8 (a) Akta Senjata Api 1960 kerana memiliki selaras senapang angin tanpa lesen sah pada 19 Jun 2022.



TERDAPAT pelbagai sebab telur bekurangan termasuk permintaan meningkat berbanding pengeluaran.

Kenakan denda berjuta-juta ringgit jika sorok telur

SAUDARA PENGARANG.

SEJAK kebelakangan ini, bekalan telur ayam di seluruh negara sering terganggu. Orang awam semakin sukar untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

Tambahan pula, telur ayam menjadi keperluan isi rumah apabila beberapa jenis ikan mengalami kenaikan harga sejak awal bulan ini susulan musim Monsun Timur Laut.

Pelbagai andaian dibuat sama ada oleh pengeluar maupun peniaga. Antaranya permintaan meningkat berbanding pengeluaran telur ayam yang semakin berkurang.

Selain itu, terdapat andaian menyatakan ramai penternak mahupun peladang mengecilkan saiz operasi ataupun menutup operasi kerana keuntungan diterima tidak tinggi dan tidak dapat menampung kos menternak ayam.

Bahkan terdapat penternak tidak mahu menanggung risiko untuk menternak kerana musim banjir yang melanda negara. Sekiranya benar segala andaian di atas, kerajaan yang baru dipilih rakyat perlu merangka mekanisme terbaik dan mampan dalam menangani isu ini.

Sebaliknya jika isu ini disebabkan berlakunya monopoli dan perbuatan menyorok barang kawalan, maka penguatkuasaan undang-undang perlu ditingkatkan.

Perbuatan menyorok barang kawalan boleh menyebabkan ketirisan berlaku sehingga menimbulkan pembelian panik dalam kalangan orang awam.

Secara umumnya, telur ayam telah disenaraikan sebagai barang kawalan harga di bawah Skim Harga Maksimum Muhibah Perayaan (SHHMP) semenjak 5 Februari lalu.

Mekanisme ini dilaksanakan untuk mengekang peningkatan harga ayam dan telur ayam secara mendadak di pasaran terutama selepas musim perayaan.

Apabila telur ayam diwartakan sebagai barang kawalan, undang-undang yang berkutu kuasa dalam menangani sebarang isu bekalan telur ayam ini ialah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Akta ini memperuntukkan sejumlah keselahan dan hukuman sekiranya berlaku penyelewengan bekalan telur ayam.

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan berkaitan bekalan telur ayam jika sabit kesalahan pertama, mereka berdepan hukuman tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, hukuman tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Syarikat yang melakukan kesalahan di bawah akta ini jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM5 juta.

Secara tuntasnya, kerajaan perlu sentiasa membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan dalam negara mencukupi supaya harganya terus kekal stabil.

Selain itu, tindakan tegas perlu diambil sekiranya mana-mana pihak didapati gagal mematuhi undang-undang sedia ada.

Pengguna juga perlu menjadi mata dan telinga pihak berkuasa untuk melaporkan sebarang salah laku berhubung gangguan bekalan makanan.

DR. MUHAMMAD HAFIZ BADARULZAMAN
Pusat Pengajian Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Man allegedly hunted his neighbour's cat with air rifle

MELAKA: A senior citizen has claimed trial to shooting and killing Molly – his neighbour's cat.

The accused, Aziz Tambi, 62, pleaded not guilty before Sessions Court judge Darmafikri Abu Adam when he was charged here yesterday.

According to the facts of the case, the accused was alleged to have shot the cat using an air rifle.

He was said to have committed the offence at 2.30pm at a house in Jalan Tanjung Minyak, Bukit Rambai in Melaka Tengah, on June 18.

The accused was charged under Section 29(1)(c) of the Animal Welfare Act 2015, which carries a fine of between RM20,000 and RM100,000, a jail term of up to three years, or both.

Aziz also faced a separate charge under Section 8(a) of the Firearms Act 1960 for having in his possession an air rifle without a permit on June 19 this year.

The charge was read before magistrate Nabilah Nizam.

If convicted, the accused can be jailed up to seven years or fined a maximum of RM10,000 or both.

The accused was represented by lawyer Mohd Ishak Kari.

The Sessions Court granted bail of RM5,000 while the magistrate's court set bail at RM2,500.

Both courts fixed Jan 11 next year for the next mention.